

**BORANG PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG
(PELAN SUSUNATUR DAN PELAN LANDSKAP)**

URUSETIA PUSAT SETEMPAT
Perbadanan Labuan
Tingkat 1, Wisma Wong Wo Lo
Peti Surat 81245
87022 W. P. Labuan

Tarikh :

Tuan,

PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI TUJUAN:

MEMBINA.....
..... **DI LOT** **DI JALAN / KAMPUNG**
..... **WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Saya / Kami pemohon bagi tanah tersebut di atas dengan ini mengemukakan perkara berikut:

| BIL | PERKARA-PERKARA | TANDAKAN (/) (JIKA ADA) |
|------------|---|--------------------------------------|
| 1. | Dua Belas (12) salinan Pelan Susunatur, diwarnakan menggunakan komputer (saiz A1) | |
| 2. | Enam (6) salinan Pelan Landskap, diwarnakan menggunakan komputer (saiz A1) | |
| 3. | Enam (6) salinan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) | |
| 4. | Enam (6) salinan Lukisan Perspektif bersaiz A3 | |
| 5. | Dua (2) salinan Sijil Carian Rasmi yang terkini (daripada Jabatan Tanah) | |
| 6. | Dua (2) salinan Pelan Kontor yang terkini | |
| 7. | Dua (2) salinan Geran Tanah | |
| 8. | Satu (1) salinan/keping <i>Compact Disc</i> (CD) pelan dalam format AutoCAD | |
| 9. | Yuran Proses (kemukakan resit bayaran) (Nota: Projek Kerajaan dikecualikan Yuran Proses) <i>(Yuran Proses hendaklah dibayar terus ke Kaunter Pembayaran PL di Tingkat 1, Wisma PL atas nama Perbadanan Labuan. Bayaran boleh dibuat menggunakan Company Cheque, Draft Bank, Kad Kredit atau Tunai. PL tidak menerima bayaran melalui Personal Cheque)</i> | |
| 10. | Satu (1) salinan surat tuan tanah berjiran, nombor lot dan surat carian rasmi <i>(Jika Berkaitan)</i> | |
| 11. | Satu (1) salinan kelulusan tukar syarat tanah dari Jabatan Tanah <i>(Jika Berkaitan)</i> | |
| 12. | Surat kuasa wakil <i>(Memorandum of Transfer / Power of Attorney)</i> <i>(Jika Berkaitan)</i> | |
| 13. | Satu (1) salinan Form 49A, Companies Act, 1965 yang lengkap & terkini <i>(Jika Berkaitan)</i> | |

3. Butiran-butiran cadangan pembangunan dan kiraan yuran proses adalah tercatat di dalam borang **DP1** dan **DP2**.

Sekian, terima kasih.

.....
**Tandatangan Pemohon
(Jururancang Bandar / Arkitek / Jurutera)**

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

No. Telefon :

.....
Tandatangan Pemilik

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

No. Telefon :

NOTA

| | |
|-------|--|
| i. | Pelan Permohonan Kebenaran Merancang (KM) Hendaklah Disertakan dengan Surat Rasmi (Cover Letter) pemohon. |
| ii. | Pelan Pembangunan perlu disahkan oleh Pegawai Perancang Bandar atau Arkitek Bertauliah. Bagi cadangan perindustrian pelan perlu disahkan oleh Jurutera. |
| iii. | Semua pelan yang dikemukakan hendaklah ditandatangani oleh Pemilik dan Pemohon. |
| iv. | Pelan Pembangunan hendaklah disertakan dengan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) dan disahkan oleh Jururancang Berdaftar dan memenuhi syarat-syarat serta keperluan Perbadanan Labuan dan Jabatan berkaitan. |
| v. | Setiap Pelan Permohonan KM hendaklah menggunakan Format Standard Tajuk yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) seperti di Lampiran. Permohonan yang tidak mengikut standard tajuk akan ditolak/dikembalikan. |
| vi. | Kompenan Pembangunan dalam Pelan Kebenaran Merancang hendaklah menggunakan Warna Perancangan (<i>Colour Scheme</i>) yang telah ditetapkan, seperti di Lampiran. |
| vii. | Arah Utara (<i>North Point</i>) hendaklah ditunjukkan dalam pelan. |
| viii. | Semua Legend hendaklah ditunjukkan di bahagian kanan pelan. Sila sediakan ruang di bahagian atas kanan dalam legend (6cm x 10cm), untuk tujuan Cop Kelulusan/Perakuan PBT. |

1.0 RINGKASAN PERMOHONAN :

1.1 Zoning _____

1.2 Keterangan Tanah
(i) Jumlah Lot _____

| No. Lot | Keluasan (ekar / hektar) | Jenis Kegunaan Tanah / Syarat / Sekatan |
|---------|------------------------------|---|
| _____ | _____ | _____ |
| _____ | _____ | _____ |
| _____ | _____ | _____ |
| _____ | _____ | _____ |

Jumlah Keluasan _____

(ii) Lokasi Projek _____

1.3 Cadangan Jenis Pembangunan : _____

2.0 BUTIR-BUTIR MENGENAI CADANGAN PEMBANGUNAN

2.1 Perumahan:

| (i) | Jenis Kediaman | Bilangan Unit | Tinggi Bangunan | Luas Lantai Seunit |
|-----|-----------------------------|---------------|-----------------|--------------------|
| | 1. Sesebuah | | | |
| | 2. Berkembar | | | |
| | 3. Deret / Teres | | | |
| | 4. Rumah Pangsa / Apartment | | | |
| | 5. Kondominium | | | |
| | 6. Dan Lain-Lain | | | |

- (ii) Tempat letak kereta (jika Rumah Pangsa / Apartment dan Kondominium, pelan lakar menunjukkan susunan tempat letak kereta mestilah dikemukakan bersama).

Jumlah dikehendaki _____

Jumlah disediakan _____

(iii) Luas kawasan lapang (ekar / hektar) _____

(iv) Peratusan kawasan lapang _____

(v) Kemudahan yang disediakan _____
(Unit, keluasan dan peratusan) _____

2.2 **Perdagangan:**

| (i) | Jenis Perdagangan | Bil. Blok Bangunan | Tinggi Bangunan | Bilangan Unit | Jumlah Luas Lantai |
|-----|-------------------|--------------------|-----------------|---------------|--------------------|
| | | | | | |

(ii) Penggunaan tiap-tiap tingkat bangunan yang dicadangkan:

(iii) Tempat letak kenderaan:

| | | |
|-------------|--------------------|-------|
| - Kereta | Jumlah dikehendaki | _____ |
| | Jumlah disediakan | _____ |
| - Motosikal | Jumlah dikehendaki | _____ |
| | Jumlah disediakan | _____ |

2.3 Hotel:

| (i) | Jenis Perdagangan | Bil. Blok Bangunan | Tinggi Bangunan | Bilangan Unit | Jumlah Luas Lantai |
|-----|-------------------|--------------------|-----------------|---------------|--------------------|
| | | | | | |

(ii) Jumlah luas lantai untuk:-

- Pejabat : _____
- Aked : _____
- Restoran / Tempat makan,
Kelab malam / Bar Awam /
Bilik Cocktail : _____
- Dewan mesyuarat, Dewan,
Bilik Seminar, Panggung,
Dewan Pameran, Memperaga : _____
- Kolam mandi termasuk teres
terbuka : _____
- Tempat mandi wap : _____
- Pusat Kesihatan : _____

(iii) Tempat letak kenderaan

(Kemukakan pelan lakar menunjukkan suasana tempat letak kereta termasuk jalan masuk dan jalan keluar)

- Kereta Jumlah dikehendaki _____
 Jumlah disediakan _____
- Motosikal Jumlah dikehendaki _____
 Jumlah disediakan _____

2.4 Lain-Lain Pembangunan:

| (i) | Bilangan Bangunan | Bil. Blok Bangunan | Tinggi Bangunan | Bilangan Unit | Jumlah Luas Lantai |
|-----|-------------------|--------------------|-----------------|---------------|--------------------|
| | | | | | |

(ii) Bilangan tempat duduk _____

(iii) Tempat letak kenderaan

- Lori Jumlah dikehendaki _____
 Jumlah disediakan _____
- Kereta Jumlah dikehendaki _____
 Jumlah disediakan _____
- Motosikal Jumlah dikehendaki _____
 Jumlah disediakan _____

3.0 PERAKUAN OLEH PEMOHON

Dengan ini saya mengaku bahawa semua pelan dan butir-butir cadangan pelan pembangunan telah dilengkapkan dan adalah betul dan benar.

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Jadual Kiraan Yuran Pemprosesan

Tajuk : _____ Tarikh : _____

Nama Pemohon : _____ Nama Pemilik : _____

| BIL. | JENIS PEMBANGUNAN | KADARAN |
|--|--|---|
| 1. | Untuk pengemukaan KM (pelan tatatur dan pelan landskap) | RM50.00 |
| 2. | Untuk pengemukaan terperinci pelan tatatur dan kadar bayaran adalah seperti berikut: (i) Setiap satu cadangan blok bangunan (ii) Setiap satu unit bangunan kediaman (iii) Setiap satu bangunan perdagangan (iv) Setiap satu unit industri (v) Hotel (vi) Panggung Wayang | RM15.00 RM5.00 RM15.00 RM100.00 RM5.00 setiap unit / suite RM20.00 |
| 3. | Jika bilangan blok bangunan dan jumlah unit bangunan dalam kelulusan terakhir tatatur melebihi kandungan dalam pengemukaan pelan tatatur, pemohon perlu menambah bayaran yang dikenakan. | |
| Kiraan (perlu diisi oleh Perunding) | | Kegunaan Pejabat (Jika ada pindaan) |
| ----- Jumlah ===== | | ----- Jumlah ===== |
| UNTUK KEGUNAAN PEJABAT | | |
| DIPERAKUKAN BETUL : | | |
| Telah disemak pada :.....dan didapati: | | |
| (i) | Betul | <input type="checkbox"/> |
| (ii) | Pindaan | <input type="checkbox"/> |
| Tandatangan : | | Tarikh : |
| Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa Unit Pusat Setempat Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan Perbadanan Labuan | | |

PERBADANAN LABUAN

SYARAT-SYARAT DAN KEHENDAK SEMASA PENGEMUKAAN PELAN PEMBANGUNAN

KEHENDAK-KEHENDAK UMUM

1. **Pelan Pembangunan** hendaklah mengandungi pelan susunatur, pelan kunci, pelan lokasi dan petunjuk.
2. Mengemukakan 20 (dua puluh) salinan pelan susunatur di atas skala 1:500 hingga 1:1000 (bersaiz A1).
3. Pelan kunci pada pelan pembangunan hendaklah berskala 1:86000 (tapak hendaklah ditandakan merah).
4. Pelan Lokasi hendaklah berskala 1:25,000 dan menunjukkan kedudukan cadangan lot / tapak dan hubungannya dengan jalan sediaada dan lot-lot disekelilingnya iaitu dalam lengkongan 1:0 km supaya ia mudah dikenalpasti. Nama jalan dan lain-lain mercu tanda hendaklah dinyatakan dengan jelas.
5. Petunjuk hendaklah disebelah kanan pelan dan menyatakan komponen pembangunan secara terperinci iaitu komponen pembangunan, unit, ketinggian, luas dan peratus. (rujuk contoh pada **Lampiran A**).
6. Pelan-pelan tersebut hendaklah menunjukkan :-
 - (i) Skala yang betul;
 - (ii) Arah Utara (*north direction heading*) yang sama bagi ketiga jenis pelan di atas.

7. Bagi **Pelan Susunatur**, hendaklah mengandungi:-
- (i) Tajuk pembangunan (termasuk menyatakan tujuan pembangunan dengan jelas).
 - (ii) Nombor lot yang tepat (sama seperti *grant* / hakmilik)
 - (ii) Keluasan tanah (dalam ekar / hektar).
 - (iv) Tandatangan, alamat dan no. telefon:-
 - Pemohon
 - Pemilik(Nama pemilik hendaklah sama dengan pemilik berdaftar)
 - (v) No. Rujukan Syit Piawaian
 - (vi) *Certified lot boundaries*
 - (vii) Nama jalan dan *existing fectures* dengan kedudukan yang tepat.
 - (viii) Komponen-komponen cadangan pembangunan mengikut unit, keluasan dan peratus.
 - (ix) Sistem dan hirarki jalan / trafik.
 - (x) Senarai dan lokasi kemudahan awam dan utiliti yang dicadangkan.
 - (xi) Infrastruktur dan kemudahan awam sediaada pada lot berkenaan dan lot-lot berdekatan.
 - (xii) No. lot dan pembangunan semasa tanah bersebelahan dan disekelilingnya.
 - (xiii) *Finish level* pada pembangunan yang dicadangkan dan lot-lot bersebelahan.
 - (xiv) Sub lot di dalam pembangunan tersebut hendaklah bernombor.
 - (xv) Kedudukan pelan-pelan di atas hendaklah bersesuaian antara satu sama lain.
8. 3 salinan pelan topo menunjukkan kontor dan jarak tinggi setiap 2 meter. Pelan berasingan menunjukkan *cut and fill* juga hendaklah dikemukakan jika perlu.
9. Pelan-pelan yang dikemukakan hendaklah dilipat dan dikepilkan seperti yang diperlukan.
10. Pelan Landskap 6 (enam) salinan perlu dikemukakan. (rujuk **Lampiran 1**).
11. Laporan Cadangan Pemajuan sebanyak 10 (sepuluh) salinan perlu dikemukakan.

12. 10 (sepuluh) salinan Lukisan Perspektif bersaiz A3 hendaklah dikemukakan.
13. 1 (satu) keping *Compact Disc* dalam format AutoCAD Pelan Tatatur dan Pelan Landskap.
14. Pelan-pelan juga perlu dikemukakan bersama dokumen-dokumen berikut:-
 - (i) Borang DP1 dan borang DP2 yang diisi dengan lengkap dan betul.
 - (ii) Sesalinan surat hakmilik (*grant*) atau *memorandum of transfer / power of attorney*.(Jika Berkaitan)
 - (iii) Sesalinan Sijil Carian Rasmi.
 - (iv) 1 (satu) salinan perjanjian usahasama (bagi projek-projek usahasama)
(Jika Berkaitan)
 - (v) Jika *access* diperlukan dari lot bersebelahan *written permission for right of way* diperlukan.
 - (vi) Jika *surface water* dialirkan ke tapak bersebelahan *written permission of right of way* diperlukan.
 - (vii) Sesalinan *Form 49A, Companies Act, 1965* yang lengkap dan terkini
(Jika Berkaitan)

KEHENDAK-KEHENDAK KHUSUS

(a) Pembangunan Perdagangan

- (i) Bagi pembangunan kompleks perdagangan, pandangan perspektif cadangan hendaklah disertakan.
- (ii) Jadual ruang lantai / *gross floor area*.
- (iii) Susunatur tempat letak kereta dan *igress* dan *engress* bagi pembangunan tersebut.

(b) Pembangunan Perumahan dan Pangsapuri

- (i) *Schedule of floor use* bagi kegunaan bukan kediaman.
- (ii) Pelan menunjukkan fasa pembangunan.
- (ii) Pandangan perspektif cadangan.
- (iv) Senarai kemudahan yang disediakan.

(c) Pembangunan Industri

- (i) *Schedule of floor area*.
- (ii) *Gloss floor area*.
- (iii) Susunatur tempat letak kereta dan *igress* dan *engress* bagi pembangunan tersebut.

**SYARAT-SYARAT PENGEMUKAAN PELAN LANDSKAP SEMASA
PENGEMUKAAN PELAN PEMBANGUNAN**

1.0 SYARAT AM

1.1 Semua permohonan pelan landskap perlu dilengkapi perkara-perkara berikut:-

1.1.1 Satu set pelan lokasi / tapak dan kawasan persekitaran

1.1.2 Satu salinan pelan tapak menunjukkan pokok sedia ada

1.1.3 Pelan Cadangan Landskap (diwarnakan) berskil tidak melebihi 1:1000 yang menunjukkan:-

- (a) Topografi
- (b) Penggunaan kawasan yang dicadangkan
- (c) Kawasan-kawasan lapang
- (d) Elemen-elemen utama landskap
- (e) *Structural planting*

Pelan tersebut juga hendaklah mencatatkan perkara-perkara berikut:-

- (a) Nama Projek
- (b) Tajuk Pelan
- (c) Tandatangan Perunding
- (d) Tandatangan Pemaju
- (e) Tandatangan Pemilik

Bagi pelan kawasan lapangan dan / atau pelan landskap terperinci berskil tidak melebihi 1:250 yang menunjukkan susunatur elemen landskap lembut dan elemen landskap kejur yang dicadangkan. Ia juga menunjukkan komposisi penanaman secara terperinci pada skil yang sama dan merangkumi perkara-perkara berikut (jika berkaitan):-

- (a) Padang permainan kanak-kanak
- (b) Gelanggang rekreasi
- (c) Perabot landskap
- (d) Sistem saliran
- (e) Sistem pengairan

1.1.4 Laporan bertulis yang menerangkan cadangan pembangunan Pelan Landskap yang dicadangkan. Ianya perlu bagi projek-projek yang menyediakan Cadangan Laporan Pemajuan (LCP).

1.1.5 Pelan perspektif bagi cadangan serta ilustrasi-ilustrasi yang lain yang berkaitan.

2.0 PENYEDIAAN PELAN LANDSKAP PERLU MENGAMBIL KIRA PERKARA-PERKARA BERKUT:

2.1 Keperluan Ruang

- 2.1.1 Menyediakan sekurang-kurangnya 10% daripada keluasan keseluruhan skim perumahan sebagai kawasan lapang atau taman.
- 2.1.2 Menyediakan ruang selebar 3m di sepanjang jalan perumahan untuk tujuan siarkaki dan penanaman. Ianya hendaklah dilandskap dan tidak diturap.
- 2.1.3 Memperuntukkan minimum 15% daripada kawasan meletak kenderaan sebagai kawasan hijau untuk tujuan landskap.
- 2.1.4 Menyediakan ruang penanaman atau pembahagi lot kereta minimum 2m lebar bagi penanaman pokok utama. Ruang penanaman rumput atau *grasscrete* perlu juga disediakan bagi tujuan pengudaraan pokok.
- 2.1.5 Bagi kawasan yang terhad, penggunaan pergola dan kotak tanaman adalah digalakkan. Saiz kotak tanaman 1.5m lebar dan 0.3m tinggi.
- 2.1.6 Bagi kawasan meletak kereta di hadapan kedai, ruang penanaman berukuran 1.5m x 2.5m diadakan di antara lot meletak kereta dan setentang dengan lot kedai.
- 2.1.7 Bagi kawasan industri, ruang penanaman diperlukan bagi mengindahkan kawasan pintu masuk, tempat letak kereta, sekitar pejabat atau kilang serta kawasan taman kecil yang digunakan untuk berehat.

2.1.8 Bagi kawasan kemudahan awam seperti stesen pencawang elektrik, rumah pam, kolam oksidasi dan tempat pelupusan sampah, penyediaan rizab landskap minimum 6m lebar di sempadan kawasan hendaklah disediakan untuk tujuan penghadang (Buffer Zone) dan *estetik*.

2.1.9 Nisbah Penanaman Pokok dengan Tempat Letak Kereta (TLK) ialah 1:3.

2.2 Jarak penanaman

2.2.1 Jarak penanaman bagi kawasan rumah teres ialah tidak kurang dari 5m atau satu pokok setiap dua atau satu unit rumah teres. Lokasi penanaman ialah di antara dua lot rumah.

2.2.2 Jarak penanaman bagi kawasan rumah berkembar dan sesebuah sekurang-kurangnya 2 batang pokok setiap satu unit rumah.

2.2.3 Jarak penanaman bagi kawasan rumah pangsa, jarak penanaman perlulah sesuai dengan pokok dan keluasan ruang tetapi tidak kurang dari 5M daripada bangunan.

2.2.4 Jarak penanaman bagi kawasan kedai perlulah sama atau pada jarak satu pokok bagi setiap tiga lot meletak kereta.

2.2.5 Jarak penanaman di pinggir jalan hendaklah sama dan rapat di kedua-dua belah jalan. Jarak penanaman adalah bergantung kepada jenis dan saiz pokok tetapi tidak kurang daripada $\frac{1}{2}$ lebar silara tanaman matang supaya boleh dijarangkan selepas 10-15 tahun.

2.2.6 Menanam pokok di luar garisan talian elektrik dan telefon minimum 3m, bagi mengelakkan gangguan talian dan pemotongan dahan pokok.

2.2.7 Jarak penanaman pokok dari *kerb* di bahu jalan ialah minimum 1m.

2.3 Garispanduan Landskap Negara

2.3.1 Pemohon adalah dinasihatkan merujuk kepada garispanduan ini. Ia merupakan garispanduan prinsip asas landskap dan kaedah-kaedah penanaman dan penyelenggaraan tanaman. Naskah rujukan boleh didapati di kaunter PL.

3.0 PINDAAN KEPADA PELAN YANG DILULUSKAN

3.1 Pindaan yang hendaklah dilakukan kepada pelan landskap yang telah diluluskan hendaklah dirujuk kepada PL supaya permohonan diproses semula untuk kelulusan.

3.2 Pindaan untuk kerja-kerja landskap atas sebab-sebab keadaan tapak hendaklah dirujuk kepada PL untuk kelulusan.

3.2 Kelulusan pelan terakhir di tapak (*as-built plan*) hanya diluluskan apabila projek landskap telah disiapkan dan tanaman telah dilaksanakan sama dengan pelan yang disediakan.

Kepada Semua JURURANCANG / ARKITEK / PEMAJU

Tuan / Puan,

PENYELARASAN TAJUK PERMOHONAN

Merujuk kepada perkara di atas, pihak OSC ingin memaklumkan kepada pihak tuan bahawa terdapat **Penyelarasan Tajuk Permohonan** untuk tindakan semasa memproses permohonan baru; iaitu:

- **SETIAP JENIS PERMOHONAN HENDAKLAH DIBERIKAN TAJUK YANG SELARAS SEPERTIMANA YANG TELAH DIKUATKUASAKAN OLEH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT).**

Contoh:

- Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan** *Pembinaan 123 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Di Atas Lot 1234, Kampung Jawa, W.P Labuan*
- Permohonan Tukar Syarat dan Pecah Sempadan Secara Serentak Bagi Tujuan** *Perumahan 123 Unit Rumah Teres Di Atas Lot 1234, Kampung Jawa, W.P Labuan.*
- Permohonan Pelan Bangunan Bagi Cadangan** *Membina 123 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Di Atas Lot 1234, Kampung Jawa, W.P Labuan.*
- Permohonan Pelan Pengubahsuaian dan Pindaan Bagi** *Tingkat Atas Rumah Teres Di Atas Lot 1234, Kampung Jawa, W.P Labuan.*

Perkataan yang dihitamkan adalah yang diselaraskan untuk permulaan tajuk setiap permohonan

PERKARA INI DIKUATKUASAKAN SERTA MERTA. Setiap permohonan yang mempunyai permulaan tajuk yang berbeza akan **DITOLAK** dan pemohon dikehendaki mengubah tajuknya mengikut penyelarasan yang telah ditetapkan.

**COLOUR SCHEME PERANCANGAN UNTUK KELULUSAN PERMOHONAN
KEBENARAN MERANCANG:**

| Bil. | JENIS GUNATANAH | SKIM WARNA KOMPUTER |
|-------------|---|-----------------------------|
| 1. | Pejabat | Merah |
| 2. | Industri | Ungu |
| 3. | Komersial | Biru |
| 4. | Perumahan (semua jenis perumahan) | Oren |
| 5. | Institusi (termasuk penjara) | Merah |
| 6. | Sekolah | Merah (dengan border hijau) |
| 7. | Kemudahan Awam | Merah |
| 8. | Kolam Oksidasi | Merah |
| 9. | Pusat Pelupusan Sampah | Merah |
| 10. | Jalan Raya / Lot Parking | Kuning |
| 11. | Taman/Kawasan Lapang/ <i>Future Development</i> | Hijau |
| 12. | Tasik Tadahan Air / Empangan | Biru Tua |
| 13. | Tapak Kubur | Kelabu |
| 14. | Pondok Pengawal / <i>Guard House</i> | Merah |
| 15. | Stor / <i>Stockyard</i> | Ungu |

BORANG SENARAI SEMAKAN
(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT)

BORANG SENARAI SEMAKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG
(*Pelan Susunatur dan Pelan Landskap*)

No. Fail : PL/PKB/S/900-1/1/09/

No. Fail : PL/PKB/S/900-

| BIL | PERKARA | UNTUK KEGUNAAN PEJABAT | |
|-----|--|------------------------|-------|
| | | ADA | TIADA |
| 1 | Permohonan Hendaklah Disertakan Dengan Surat Rasmi (<i>cover letter</i>) Dengan Mengemukakan Borang Permohonan Kebenaran Merancang Yang Telah Lengkap Diisi. | | |
| 2 | Pelan Dan Lukisan: 6.1 <u>PELAN SUSUN ATUR</u> (Pelan-Pelan Perlu Disahkan Oleh Jururancang/ Arkitek Bertauliah) - Dua Belas (12) Salinan Saiz A1 6.2 <u>PELAN KONTOR</u> (Pelan-Pelan Perlu Disahkan Oleh Juruukur Tanah Berlesen) - Dua (2) Salinan Saiz A1 6.3 <u>PELAN LANDSKAP</u> (Pelan-Pelan Perlu Disahkan Oleh Arkitek Landskap Bertauliah) –Enam (6) Salinan Saiz A1 6.4 <u>LUKISAN PERSPEKTIF</u> - Enam (6) Salinan Saiz A3 | | |
| 3 | Dua (2) Salinan Sijil Carian Rasmi | | |
| 4 | Dua (2) Salinan Hak Milik / Geran Tanah Yang Disahkan Oleh Pentadbir Tanah | | |
| 5 | Satu (1) Keping <i>Compact Disk</i> (CD) Bagi Salinan <i>Softcopy</i> Pelan-Pelan Dalam Format Autocad | | |
| 6 | Salinan Resit Bayaran Yuran Proses | | |
| 7 | Senarai Nama Tanah Berjiran, No.Lot Dan Sijil Carian Rasmi (Jika Berkaitan) | | |
| 8 | Surat Kuasa Wakil (<i>Power Of Attorney</i>) (Jika Berkaitan) | | |
| 9 | Satu (1) Salinan Kelulusan Tukar Syarat Tanah (Jika Berkaitan) | | |
| 10 | Satu (1) Salinan Form 49A Companies Act 1965, Yang Lengkap Dan Terkini (Jika Berkaitan) | | |

| UNTUK KEGUNAAN PEJABAT |
|----------------------------------|
| Catatan : |
| Disemak Oleh :..... |
| Pegawai OSC Perbadanan Labuan |
| Tarikh |

| TARIKH PERMOHONAN | | | | |
|---|--------------------------|---------------|--------------------------|--------------------------|
|/...../..... | | | | |
| | | | | |
| STATUS SEMAKAN | | | | |
| <table border="0"> <tr> <td>Lengkap</td> <td>Tidak Lengkap</td> </tr> <tr> <td align="center"><input type="checkbox"/></td> <td align="center"><input type="checkbox"/></td> </tr> </table> | Lengkap | Tidak Lengkap | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| Lengkap | Tidak Lengkap | | | |
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | | | |
| STATUS PERMOHONAN | | | | |
| <table border="0"> <tr> <td>Proses</td> <td>Tolak</td> </tr> <tr> <td align="center"><input type="checkbox"/></td> <td align="center"><input type="checkbox"/></td> </tr> </table> | Proses | Tolak | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| Proses | Tolak | | | |
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | | | |